

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
TAHUN 5
MASA : 60 MINIT**

Nama:.....

Kelas:.....

*Kertas ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
Jawab **semua** soalan di dalam kertas ini.*

BAHAGIAN A

1. Manakah yang **TEPAT** menerangkan maksud rangkaian?
 - A. Sekumpulan data-data yang dihimpun dalam fail.
 - B. Beberapa jenis medium penghantaran yang digabungkan.
 - C. Sekumpulan komputer yang dihubungkan.
 - D. Beberapa peranti rangkaian yang dihubungkan.

2. Antara berikut, manakah kebaikan penggunaan rangkaian?
 - I Pengguna dapat berkongsi fail
 - II Kos dapat diijimatkan
 - III Pengguna dapat berkongsi perkakasan
 - IV Memudahkan komunikasi antara pengguna

A. I, II dan III	C. II, III dan IV
B. I, II dan IV	D. I, II, III dan IV

3. Berikut ini merupakan medium rangkaian, **KECUALI**

A. Pengimbas	C. Fiber optik
B. Kabel UTP	D. Satelit

4. Apakah jenis medium rangkaian yang sesuai jika teknologi sidang video digunakan?

A. Satelit	C. Fiber optik
B. Kabel sepaksi	D. Kabel UTP

5. Kelebihan teknologi rangkaian tanpa wayar adalah _____.

A. lebih murah	C. penghantaran data pantas
B. data tidak hilang	D. melibatkan kos yang rendah

6. Apakah peranti-peranti yang digunakan untuk menghubungkan rangkaian?

I Hab	III Penghala
II Suis	IV Pencetak rangkaian

A. I, II dan III	C. II, III dan IV
B. I, II dan IV	D. I, II, III dan IV

7. Apakah yang dimaksudkan dengan data?
 - A. Data ialah koleksi ciri sesuatu benda.
 - B. Data ialah koleksi maklumat.
 - C. Data ialah maklumat yang telah 1 diproses.

- D. Data ialah kenyataan dalam bentuk teks, nombor atau simbol yang belum diproses menjadi maklumat.
8. Ayah Puteri Balqis bekerja di London. Puteri Balqis ingin bercakap dengan ayahnya yang berada di London. Apakah perkhidmatan Internet yang boleh Puteri Balqis gunakan?
- A. E-mel
B. Protokol Pindah Fail
C. Pemesejan segera
D. Telefoni Internet
9. Apakah perbezaan antara data dengan maklumat?
- A. Data ialah kenyataan yang belum diproses dan maklumat ialah data yang telah diproses menjadi maklumat yang berguna.
B. Data ialah simbol-simbol yang tidak memberi makna dan maklumat ialah simbol-simbol yang bermakna.
C. Data boleh disunting tapi maklumat tidak boleh disunting.
D. Data hanya terdiri daripada teks, tarikh dan nombor manakala maklumat terdiri daripada teks sahaja.
10. Internet bermaksud _____.
- A. jaringan komputer yang dihubungkan ke seluruh dunia.
B. sebilangan komputer yang dihubungkan.
C. beberapa jenis peranti rangkaian yang digabungkan.
D. Gabungan dua atau lebih medium rangkaian.
11. Manakah antara berikut merupakan laman web carian?
- A. www.facebook.com
B. www.yahoo.com
C. www.bernama.gov.my
D. www.firefly.com
12. Berikut ini merupakan kebaikan penggunaan *mailing list* **KECUALI**
- A. Menjimatkan masa menghantar data.
B. Penyebaran maklumat menjadi lebih pantas.
C. Ramai pengguna dapat berkongsi maklumat yang sama.
D. Memudahkan pengguna melihat kandungan e-mel rakan.
13. Keburukan Internet adalah _____.
- A. memudahkan komunikasi
B. perkongsian maklumat
C. penyebaran unsur negatif
D. pencarian maklumat yang berkesan

Soalan 14 berdasarkan **Pernyataan I**.


Hamid menggunakan Internet untuk menyebarkan maklumat palsu kepada rakan-rakannya melalui e-mel

14. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A. salah laku penggunaan Internet.
- B. kebaikan penggunaan Internet.
- C. kebaikan teknologi mel elektronik.
- D. kemudahan *mailing list*.

15. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pangkalan data?

- A. Sistem maklumat murid
- B. Maklumat pelanggan bank
- C. Maklumat stok buku
- D. Rencana dalam majalah



BAHAGIAN B

1. Berikan **tiga** ciri rangkaian. (3 markah)

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

2. Nyatakan beza antara maklumat dan data?. (2 markah)

3. Nyatakan **lima** ciri yang terdapat dalam sistem pangkalan data yang kamu telah pelajari.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

4. Padankan pernyataan di bawah dengan maksud yang betul. (10 Markah)

i. Medan	•	<ul style="list-style-type: none"> • Koleksi medan yang berkaitan dan dalam jadual kebiasaannya medan berada pada kedudukan baris di jadual.
ii. Rekod	•	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan sifat bagi setiap medan
iii. Jadual	•	<ul style="list-style-type: none"> • Gabungan satu atau lebih bait (aksara)
iv. Jenis data	•	<ul style="list-style-type: none"> • Koleksi rekod-rekod yang berkaitan
v. Pangkalan data	•	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan tempat segala data-data disimpan untuk rujukan apabila diperlukan